

**Seperti Najib, Kit Siang beri amaran jangan abaikan pengundi pertengahan  
Malaysian Insider  
Disember 13, 2012  
Oleh Clara Chooi**

KUALA LUMPUR, 13 Dis — Pemimpin veteran DAP Lim Kit Siang mengingatkan Pakatan Rakyat (PR) supaya tidak mengabaikan pengundi pertengahan dan memberi amaran PR akan tewas dalam pilihan raya seperti yang berlaku ke atas calon presiden Amerika Syarikat Mitt Romney baru-baru ini.

Dalam perhimpunan agung Umno baru-baru ini, presidennya dan Perdana Menteri (PM) Datuk Seri Najib Razak juga mengingatkan delegasi tentang kekalahan Romney dan menjauhkan diri daripada menggunakan strategi lama menjelang pilihan raya umum (PRU) ke-13 nanti.

Lim (gambar) berkata PR perlu membuktikan kepada 13 juta pengundi yang terdiri 80 peratus berumur bawah 45 tahun, bahawa mereka lebih baik berbanding Barisan Nasional (BN) dalam menguruskan isu pendidikan, ekonomi, pekerjaan, keselamatan awam dan rasuah.

Pembangkang juga perlu memenangi sekurang-kurangnya 70 peratus daripada hampir tiga juta pengundi baru, 60 peratus berumur bawah 30 tahun dan tiga peratus pengundi pertengahan yang mereka peroleh pada PRU 2008 untuk menawan Putrajaya, ujar beliau lagi.

Hal ini akan memberikan PR tujuh kerusi majoriti di Parlimen, tambah ahli parlimen Ipoh Timur itu dan serta-merta menamatkan penguasaan hampir setengah abad BN di Malaysia.

“Tapi hanya dengan penguasaan ke atas golongan pertengahan dengan utuh dan penyelesaian yang baik mampu membantu PR mencapai matlamat untuk ke Putrajaya,” kata Lim dalam satu kenyataan hari ini.

“Jika PR mengulangi kesilapan BN dan Republikan yang hanya mendekati pengundi yang sudah menjadi 'asas', maka kita akan beri undi tersebut kepada BN (berbanding dengan BN memenangi undi tersebut daripada kita),” nasihat beliau.

Lim, yang juga penasihat DAP dan orang lama dalam politik Malaysia berkata walaupun PR gagal memenangi tiga juta pengundi baru dengan majoriti kecil dan tertinggal satu peratus

daripada peratusan pengundi pertengahan pada 2008, ia sudah mencukupi untuk BN mendapatkan semula majoriti dua-pertiganya itu.

Dalam senario ini, beliau berkata BN akan memenangi sekurang-kurangnya 149 kerusi dalam 222 kerusi Dewan Rakyat.

“Oleh itu, kita tidak boleh mengabaikan pengundi pertengahan,” kata beliau.

Dengan pilihan raya semakin hampir, tumpuan kini tertumpu ke atas pengundi kelas pertengahan yang terdiri daripada belia, tinggal di kota dan berpelajaran kerana mereka ini dianggap antara majoriti dalam PRU nanti.

Najib pada perhimpunan agung Umno lalu juga memberitahu delegasi supaya tidak menjadi seperti calon Republikan yang terlalu bergantung kepada pengundi tradisional mereka dan memberi amaran Umno juga bakal kehilangan Putrajaya jika berterusan sebegitu.

Pentadbiran Najib juga dilihat bekerja keras untuk memikat hati pengundi ini memandangkan pengundi tidak lagi menghargai parti yang berasaskan politik kaum.

PR ketika ini memiliki kelebihan ke atas golongan pengundi ini menurut Lim tetapi memberi amaran ia bukan alasan untuk memandangnya sebelah mata kerana ia mampu memberi impak besar kepada mereka dalam PRU nanti.

“Mana-mana parti atau pemimpin dalam PR dengan senang boleh mengabaikan golongan pertengahan ini jika individu tersebut memilih untuk memihak kepada sekumpulan kecil yang lantang tetapi ia mewakili kelompok kecil dalam masyarakat,” kata beliau.

“PR juga perlu membuktikan kepada golongan ini bahawa mereka mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi dan memberikan jalan penyelesaian yang lebih baik kepada semua rakyat Malaysia.”

Sebagai contoh, Lim berkata PR perlu mengeluarkan satu penyelesaian yang menyeluruh terhadap kualiti pendidikan Malaysia terutamanya selepas penurunan ranking dalam Kajian Sains Dan Matematik Antarabangsa (TIMSS) pada tahun 2011,

Lim juga menekankan tentang transformasi ekonomi dan isu keselamatan di dalam negara yang juga menjadi isu yang sering melibatkan golongan pengundi ini dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

"Saya yakin jika DAP bekerjasama dengan rakan dalam PR seperti PAS dan PKR serta kekal fokus untuk memancing pengundi kelas pertengahan, kami pasti mendapat satu gelombang yang akan membawa kami ke Putrajaya dan membukakan lembaran baru untuk Malaysia," ujar beliau lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/seperti-najib-kit-siang-beri-amaran-jangan-abaikan-golongan-atas-pagar/>